

SOALAN NO. : 64

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HEE LOY SIAN [PETALING JAYA
SELATAN]**

TARIKH : 16 MEI 2016

RUJUKAN : DR01

SOALAN :

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan Prosedur Operasi Piawai (S.O.P) bagi rakyat menghadapi cuaca panas terik sekarang.**

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Fenomena El-Nino telah menyebabkan keadaan cuaca panas dan kering melampau dialami dalam negara pada masa kini, terutamanya negeri-negeri di utara Semenanjung, Sabah dan Timur Sarawak. Secara ringkasnya, fenomena El-Nino merupakan keragaman iklim (*climate variability*) yang berlaku secara tidak tetap (*irregular*) dalam tempoh 2 hingga 7 tahun. Berdasarkan kepada keadaan atmosfera semasa, kebanyakan model-model iklim antarabangsa menjangkakan fenomena El Nino akan berakhir pada bulan Jun 2016.

Bagi menangani kesan cuaca panas dan kering kepada rakyat, Kerajaan telah mengambil tindakan-tindakan yang perlu selaras dengan prosedur operasi standard yang berkuatkuasa dan meliputi perkara-perkara berikut:-.

- (i) Peraturan Tetap Operasi (PTO) Pengendalian Bencana Kemarau yang diselaraskan oleh pihak Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), Jabatan Perdana Menteri;
- (ii) Pelan Tindakan Jerebu Kebangsaan yang diselaraskan oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE); dan
- (iii) Pelan Tindakan Bagi Menangani Kesan Gelombang Haba yang diselaraskan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

Sekian, terima kasih

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI MOHAMAD

TARIKH : 16.5.2016 (ISNIN)

SOALAN : 65

Y.B. Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Mohamad [Lipis] minta MENTERI PENDIDIKAN TINGGI menyatakan apakah penemuan kajian-kajian yang dilaksanakan berkaitan dengan "cost of living" mahasiswa di Universiti Awam dan langkah-langkah menanganinya.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sedar bahawa isu *cost of living* yang dihadapi sekarang ini memberi kesan kepada pelajar universiti. Kebajikan dan hal ehwal pelajar UA akan dipantau melalui pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) atau TNC (HEPA). Universiti Awam (UA) telah membuat kajian tinjauan mengenai kos sara hidup pelajar di UA masing-masing untuk mengetahui dan mendalami permasalahan ini dalam kalangan mahasiswa serta mengambil langkah-langkah proaktif bagi membantu mahasiswa.

Berikut dengan itu, pelbagai bentuk bantuan kewangan telah disediakan bagi membantu meringankan beban mahasiswa seperti Baucar Buku 1Malaysia, Kad Siswa, zakat, tabung kebajikan dan pinjaman. Sepanjang tahun 2015, antara usaha-usaha membantu golongan mahasiswa yang memerlukan bantuan bersifat perlindungan adalah:

- (i) Seramai 31,776 mahasiswa telah menerima bantuan kebajikan termasuk bantuan kewangan untuk pelajar miskin, khairat dan lain-lain seperti pembayaran yuran pengajian, yuran hospital dan perubatan, serta bantuan kewangan disebabkan ahli keluarga yang meninggal dunia;
- (ii) Program-program amal seperti Makanan Percuma, Suspended Meals dan lain-lain juga dianjurkan oleh Majlis Perwakilan Pelajar, Kolej Kediaman dan Persatuan Pelajar;
- (iii) Setiap UA juga menyediakan tabung kebajikan dan staf universiti menyumbang gaji mereka untuk kebajikan mahasiswa melalui pemotongan gaji atau derma kebajikan; dan
- (iv) Secara keseluruhannya, Tabung Kebajikan Mahasiswa seluruh Universiti Awam berjumlah sebanyak RM15,279,291.84 dengan RM5,228,353.50 dibelanja pada tahun 2015.

Di samping itu, UA juga disarankan untuk meningkatkan usaha-usaha kebajikan produktif mereka iaitu usaha melengkapkan mahasiswa dengan kemahiran yang diperlukan bagi membantu menangani sesuatu isu. Pada tahun 2015, seramai 6,813 mahasiswa bekerja sambilan/semestara dalam kampus UA bagi membantu menampung kos sara hidup di samping menimba pengalaman pekerjaan. Mana-mana pelajar juga boleh tampil ke pejabat TNC (HEPA) untuk membuat laporan sekiranya memerlukan bantuan.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : SOALAN LISAN

DARIPADA : DATUK DR. EWON EBIN

TARIKH : 16 MEI 2016

SOALAN : 66

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan:

- (a) berapa banyakkah rumah di kawasan Parlimen Ranau yang telah dibekalkan dengan Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) dan Bekalan Air Luar Bandar (BALB) ; dan

- (b) apakah pelan tindakan Kerajaan dalam menangani masalah rumah-rumah yang belum lagi mendapat bekalan yang dimaksudkan di atas.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Sepanjang tempoh RMK-10, Kementerian telah siap melaksanakan sejumlah 8 projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) yang melibatkan **2,286 buah** rumah di kawasan Parlimen Ranau dengan peruntukan berjumlah **RM64.055 juta** manakala 6 projek lagi yang melibatkan **198 buah** rumah dengan peruntukan **RM20.167 juta** dijangka siap pada bulan Disember 2016 ini.

Manakala bagi pelaksanaan projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) di kawasan Parlimen Ranau pula, sebanyak **4,775 buah** rumah mendapat bekalan air bersih dan terawat dengan peruntukan berjumlah **RM128.11 juta**.

(b) Dalam menangani masalah rumah-rumah yang belum lagi mendapat bekalan elektrik, pihak Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak **RM10.818 juta** di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) Rolling Plan Pertama (RP1) bagi 3

projek BELB yang melibatkan 217 buah rumah. Kementerian juga merancang untuk meneruskan pelaksanaan projek BELB yang melibatkan 15,374 buah rumah dengan peruntukan dianggarkan sebanyak RM2.629 billion bagi seluruh negeri Sabah dalam tempoh RMK-11 ini.

Bagi mengatasi jumlah penduduk yang masih belum dibekalkan dengan bekalan air bersih dan terawat, pihak Kementerian akan meneliti dan menyelaras senarai cadangan pelaksanaan projek BALB dalam RMKe-11. Walau bagaimanapun, pelaksanaannya adalah tertakluk kepada senarai keutamaan Jabatan Air Negeri Sabah (JANS) dan kelulusan pihak Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri serta peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan.